



Gambar hiasan.

10,214 sekolah lengkap internet kelajuan tinggi

Oleh NOR AZIHAN BINTI MD. GHAZALI dan MOHD RASDAN AHMAD | 23 September 2021, 1:10 pm

PETALING JAYA – Sebanyak 10,214 sekolah di bawah Kementerian Pendidikan (KPM) mempunyai capaian jalur lebar kelajuan 30Mbps hingga 100Mbps, sehingga hari ini.

Menteri Kanan (Pendidikan), Datuk Radzi Jidin berkata, jumlah tersebut termasuk 141 sekolah pedalaman yang dibekalkan dengan talian Very Small Aperture Terminal (VSAT) berkelajuan 30 Mbps mulai Mac lalu.

"KPM sedang bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mengenal pasti pendekatan terbaik dalam usaha untuk memastikan capaian internet di sekolah di seluruh negara terus dipertingkatkan.

"Ini termasuklah penyediaan rangkaian bersepadu KPM yang berlandaskan tiga prinsip utama iaitu bersesuaian dengan tujuan (fit for purpose), kekal relevan pada masa hadapan (future proof) dan penyelesaian yang holistik (holistic solution).

"Rangkaian bersepadu KPM ini dijangka dapat mula dilaksanakan pada pertengahan tahun 2022," katanya ketika pertanyaan jawab lisan di Parlimen hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk Seri Idris Jusoh (Besut-BN) yang meminta KPM menyatakan apakah usaha untuk menambah baik capaian internet sekolah-sekolah di kawasan luar bandar bagi memastikan pembelajaran berteraskan teknologi dan IR4.0 dapat direalisasikan. -K! ONLINE